Dedaun Residensi miliki ciri kelestarian

- **Projek dijangka siap Ogos 2027**
- **Kediaman ideal untuk keluarga**

PETALING JAYA – UDA Holdings Berhad (UDA) mempergiatkan usaha menyokong inisiatif kelestarian menerusi pembangunan projek kediaman baharu, Dedaun Residensi di Bandar Tun Hussein Onn, Cheras yang diinspirasikan daripada kehijauan alam semula jadi.

Ketua Pegawai Operasi, UDA Land Sdn. Bhd., Zaiwati Othman berkata, memasuki tahun ke-55 penubuhan, syarikat terus menekankan pembangunan yang bukan sahaja berkualiti, malah mengambil kira aspek kemampanan alam sekitar.

"Antara elemen kelestarian dan kehijauan alam diterapkan pada projek yang dijangka siap pada Ogos 2027 ini, adalah kawasan rekreasi mini, trek joging dan ruang pengecasan kenderaan elektrik serta parkir orang kurang upaya.

"Dedaun Residensi menerima sambutan yang positif sejak dilancarkan pada 2023 dan masih dibuka untuk jualan. Ia menonjol kerana disokong kedudukan strategik berdekatan dengan pelbagai fasiliti penting seperti sekolah, pusat perubatan dan kemudahan pengangkutan awam serta laluan utama.

"Melalui konsep zon hijau, projek ini membolehkan penghuni menikmati kehidupan moden sambil dikelilingi kehijauan dan kedamaian alam. Bagi mereka yang menggemari alam, Dedaun Residensi adalah pilihan ideal untuk keluarga," katanya.

Apartmen setinggi 37 tingkat itu menawarkan kediaman yang dilengkapi tiga bilik tidur dan dua bilik air pada saiz berkeluasan 850 kaki persegi dan 1,160 kaki persegi.

Melibatkan penawaran 341 unit, kediaman ini turut dilengkapi pelbagai kemudahan yang memenuhi keperluan seisi keluarga seperti kolam renang, ruang barbeku dan cuci kereta serta taman permainan kanak-kanak.

Dua lagi projek yang ditawarkan UDA di Lembah Klang adalah Residensi 38 Bangsar di Bangsar dan Residensi Akasia Raya di Jalan Loke Yew.

Melalui Kempen *Celebrate Together* yang sedang berlangsung, orang ramai yang berminat memiliki hartanah kediaman UDA layak menyertai cabutan bertuah dan berpeluang memenangi emas serta ganjaran tunai bagi pembelian yang dibuat sebelum 31 Mac ini.



LAKARAN artis bagi projek kediaman Dedaun Residensi di Cheras.

Proton X50 lepasi angka 161,000 unit

PETALING JAYA – Sejak diperkenalkan pada 27 Oktober 2020, Proton X50 telah menjadi salah satu model paling penting dalam sejarah Proton, menandakan titik perubahan bagi syarikat dengan mengubah persepsi rakyat Malaysia serta memacu pertumbuhan jenama ini dalam pasaran kenderaan utiliti sukan (SUV).

Sepanjang lima tahun sejak pelancarannya, model ini telah mencatatkan kejayaan yang memberangsangkan dengan lebih daripada 161,000 unit terjual di Malaysia dan pasaran eksport.

Prestasi tersebut menyaksikan Proton X50 diiktiraf sebagai model SUV segmen B paling laris selama lima tahun berturut-turut, dan momentum ini berterusan pada 2026 dengan 4,271 unit dihantar dalam tempoh dua bulan pertama.

Berdasarkan kajian bersama pemilik, Proton X50 mencatatkan kadar kepuasan penggunaan sebanyak 89 peratus, meliputi aspek seperti prestasi, reka bentuk, keselesaan dan teknologi.

Malah, lebih 70 pembeli pembeli menyatakan reka bentuk dan prestasi sebagai faktor utama dalam keputusan pembelian mereka.

Analisis lanjut turut menunjukkan 68 peratus pembeli adalah berumur antara 25 hingga 35 tahun, sekali gus memperlihatkan tarikan kuat Proton X50 dalam kalangan golongan profesional muda sama ada bujang mahupun yang telah berkeluarga.

Pada masa yang sama, sebahagian besar daripada pembeli merupakan pelanggan baharu Proton, menunjukkan peningkatan keyakinan daripada pengguna yang sebelum ini memiliki kenderaan daripada jenama lain.

Ketua Pegawai Eksekutif, Proton Edar, Datuk Abdul Rashid Musa berkata, Proton X50 melambangkan evolusi Proton sebagai jenama automotif moden yang berteraskan teknologi dengan menawarkan gabungan prestasi, ketersambungan dan keselamatan kepada pelanggan.

"Ia berjaya menarik generasi pembeli yang lebih muda sambil membuktikan bahawa kenderaan yang dipasang di Malaysia mampu bersaing dengan yang terbaik dari segi teknologi, reka bentuk dan pengalaman pemanduan.



CALVIN (dua dari kiri) pada majlis penerimaan sijil MBR di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Calvin terima rekod kebangsaan MBR

PETALING JAYA – Pengerusi OE EduGroup, Datuk Wira Dr Calvin Khiu berjaya mencatat rekod kebangsaan bagi Program Keusahawanan dengan Penyertaan Terbesar bersempena majlis ulang tahun ke-30 Malaysia Book of Records (MBR) di sini baru-baru ini.

Program tersebut telah menghimpunkan pemegang rekod daripada pelbagai bidang di seluruh negara untuk diraikan pencapaian luar biasa masing-masing.

Menurut sijil yang dikeluarkan oleh MBR, Calvin berjaya menarik jumlah peserta tertinggi dalam program keusahawanan yang merangkumi penyertaan secara dalam talian dan fizikal, dengan jumlah kumulatif melebihi satu juta peserta.

Pencapaian ini sekali gus menjadi satu mercu tanda penting bagi pembangunan institusi keusahawanan praktikal pertama di Malaysia.

Menurut Calvin, ramai individu mempunyai keinginan untuk berjaya, namun sering berhenti kerana merasakan diri kekurangan daripada aspek latar belakang atau sumber.

"Sebenarnya, perbezaan tersebut terletak pada cara berfikir dan kesediaan untuk mencari jalan dan mereka perlu memiliki matlamat agar tidak mudah berputus asa di tengah jalan," katanya ketika ditemui selepas majlis penganugerahan tersebut.

Beliau menceritakan tentang rahsia kejayaannya dalam bidang perniagaan ini sehingga membagunkan empayar bisnesnya.

Calvin memulakan langkah awalnya dalam industri langsir sehingga berjaya mencipta jenama sehingga kini.

Beliau terus memberi tumpuan terhadap pengoperasian perniagaannya dengan menghadapi pelbagai cabaran dan kesukaran selain bercadang mahu beralih arah kepada bidang hartanah dan jualan langsung.

Namun usahawan ini terus nekad meneruskan perjuangannya dalam industri tersebut.

Selain itu, seiring dengan kestabilan perniagaan sehingga kini, beliau mula mengembangkan fokus bisnes ke arah bidang pendidikan kerana menyedari bahawa semakin ramai individu ingin menjadi usahawan.

Tetapi mereka masih kekurangan pembelajaran sistematik dalam aspek seperti model perniagaan, budaya organisasi serta kemahiran pembentangan.

Menyentuh mengenai dugaan dalam bidang keusahawanan, Calvin menekankan bahawa kunci utama untuk kekal tenang dalam bidang tersebut adalah dengan menggunakan ilmu yang ada untuk mencari penyelesaian.

"Cabaran pasti akan datang, tetapi selepas kegelapan pasti ada cahaya. Selagi kita terus melangkah, kita akan menemui jalan penyelesaian."

Ditanya tentang pelan perancangan masa depan, Calvin mahu membangunkan ekosistem keusahawanannya yang bermula dari Malaysia dan berkembang ke peringkat ASEAN.

"Dalam tempoh sepuluh tahun akan datang, saya bukan sahaja mahu membangunkan perniagaan teras ini, tetapi mahu membina satu ekosistem keusahawanan yang bermula dari Malaysia dan berkembang ke seluruh ASEAN," jelas beliau.